

15 MAY 1997

ANDHRA PRADESH MAHU JADI TAPAK KILANG KERETA PROTON

NEW DELHI, 15 Mei (Bernama) -- Penubuhan sebuah kilang kereta nasional Malaysia, Proton, berkemungkinan besar menjadi kenyataan tidak lama lagi di Andhra Pradesh, negeri selatan India.

Pembinaan kilang itu dijangka dipercepatkan berikutan arahan Perdana Menteri Andhra Pradesh, Chandrababu Naidu, yang kini melawat Malaysia, telah menulis surat kepada Menteri Industrinya Murasoli Maran supaya memberikan kelulusan kepada Kerajaan Malaysia supaya menempatkan kilang kereta Proton di negeri selatan India itu.

Naidu menghantar surat itu dari Kuala Lumpur berikutan persetujuan pada dasarnya oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap permintaan Naidu supaya kilang itu ditubuhkan di Vishakhapatnam, Andhra Pradesh, menurut siaran akhbar yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Menteri itu di Hyderabad.

Kenyataan itu memetik surat Naidu kepada Maran itu yang berbunyi: "Saya yakin surat rasmi daripada anda akan membantu mempercepatkan keputusan muktamad oleh Kerajaan Malaysia untuk menempatkan kilang Proton itu" di Andhra Pradesh.

Visakhapatnam dipilih sebagai tapak kilang kereta Proton kerana kilang keluli dan beberapa industri berkaitan ditempatkan di sana, kata kenyataan akhbar itu.

Naidu juga memberitahu Dr Mahathir bahawa terdapat skop bagi menjadikan pelabuhan-pelabuhan Visakhapatnam dan KLANG sebagai pelabuhan kembar untuk menyediakan keperluan pengangkutan di rantau ini.

Tindakan susulan Naidu itu adalah berikutan pertemuannya dengan Dr Mahathir dengan surat kepada Perdana Menteri Malaysia itu memohon penglibatan Malaysia di dalam pembangunan prasarana negeri itu dan menyarankan penubuhan pasukan petugas bersama yang menumpukan kepada usaha-usaha sama yang dicadangkan di negeri itu.

Menurut kenyataan itu lagi Naidu mencadangkan kepada Dr Mahathir supaya diwujudkan perkongsian antara Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Hyderabad Information Technology and Engineering Consultancy (HITEC) dan antara MSC dan Universiti Teknologi Maklumat yang akan ditubuhkan di Hyderabad, ibu negeri Andhra Pradesh, itu.

Beliau juga mencadangkan penyertaan Malaysia dalam pelancongan, jalan raya dan pembangunan pelabuhan. -- BERNAMA

MP OS/sia